



JABATAN PENGURUSAN SISA PEPEJAL NEGARA
KEMENTERIAN KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN
KERAJAAN TEMPATAN
ARAS 23 & 24
51 PERSIARAN PERDANA
PRESINT 4,
62100 PUTRAJAYA

Telefon : 03-8000 8000
Fax : 03-8891 3190
Kawat : "MINRUMAH"
http : //www.kpkt.gov.my/jpspn_2013
E-mail : jpspn@kpkt.gov.my
Twitter : [jpspn_kpkt](https://twitter.com/jpspn_kpkt)
Facebook : Jabatan Pengurusan Sisa
Pepejal Negara

Ruj. Kami: KPKT/JPSPN/900/1/13 JII (54)

Tarikh: 30 September 2014

MASALAH PENGALIRAN *LEACHATE* DARI TAPAK PELUPUSAN YANG TELAH DITUTUP SELAMAT DAN STESEN PEMINDAHAN SISA PEPEJAL TAMAN BERINGIN, KEPONG, KUALA LUMPUR

1. Kami merujuk kepada kenyataan akhbar oleh Ahli Parlimen Serdang, YB Dr Ong Kian Ming pada 10 Ogos 2014, yang mendakwa berlaku pencemaran teruk di Stesen Pemindahan Sisa Pepejal (SPTB) Taman Beringin, Kepong, Kuala Lumpur.
2. JPSPN telah mengkaji dan meneliti *Water Sampling & Analysis Report* yang disediakan oleh ERALAB Sdn. Bhd. yang beralamat di Petaling Jaya, Selangor bagi pengumpulan air larut resap (*leachate*), daripada tapak pelupusan yang telah ditutup selamat dan SPTB.
3. Di dalam laporan berkenaan, terdapat 4 *sampling points* yang digunakan untuk menganalisis *sample* air. JPSPN mendapati daripada *sampling point* berkenaan, sebanyak 3 lokasi atau *points* (W1, W3 dan W4) adalah untuk *leachate treatment plant* (LTP) yang tidak lagi digunakan iaitu di Taman Nanyang manakala 1 *point* adalah daripada SPTB (W2).
4. Oleh yang demikian, Jabatan boleh merumuskan terdapat 2 isu yang dibangkitkan disini iaitu:
 - 4.1 **Pelepasan *leachate* adalah daripada LTP yang tidak lagi digunakan dan tapak pelupusan yang telah ditutup selamat; dan**
 - 4.2 **Pelepasan *leachate* daripada operasi SPTB.**
5. Isu pelepasan *leachate* yang berlaku di tapak pelupusan Taman Beringin tidak ada kena mengenai dengan projek Waste-to-Energy (WtE) yang dicadangkan untuk kawasan berkenaan. Pelaksanaan projek WtE menggunakan teknologi baru yang

bukan saja menguruskan sisa secara mapan tetapi turut mengurangkan masalah bau busuk dan pencemaran di Taman Beringin.

Penjelasan terperinci isu ini adalah seperti berikut:

6. LTP & Tapak Pelupusan yang tidak digunakan

- 6.1 DBKL telah melantik Cypark Resources Berhad (CRB) untuk menutup selamat tapak pelupusan sisa pepejal di Taman Beringin dan membina LTP dengan kapasiti 300m³/hari. Setelah siap pada 28 Disember 2007, CRB telah dilantik mengoperasikan LTP tersebut selama 2 tahun.

Memandangkan kos operasi yang amat tinggi, terutama melibatkan kos penggantian sistem penapisan, DBKL tidak lagi mampu untuk membiayai operasi LTP berkenaan dan mengambil keputusan untuk tidak meneruskan perkhidmatan CRB sebagai operator LTP pada 27 Disember 2009.

- 6.2 DBKL telah mengambil langkah alternatif penyelesaian pada waktu berkenaan dengan mengitar semula (*recycle*) *leachate* yang dihasilkan daripada tapak pelupusan yang ditutup selamat, bagi menghalang air *leachate* tersebut memasuki dan mencemari air Sungai Jinjang.

- 6.3 Langkah ini pada permulaannya berkesan. Bagaimanapun, berikutan tiada langkah penyelesaian susulan yang diambil oleh DBKL, sehingga berlakunya *overflow* terutama ketika musim hujan. *Leachate* yang dihasilkan ini tidak dapat ditampung dan terus mengalir ke dalam longkang dan memasuki Sungai Jinjang tanpa sebarang rawatan.

- 6.4 Pada masa yang sama, Jabatan ini telah memperolehi peruntukan di bawah *River of Life* (ROL) untuk melantik perunding bagi mengkaji aliran *leachate*, membaikpulih tapak pelupusan yang telah ditutup selamat dan LTP yang tidak beroperasi. Jabatan di dalam peringkat pelantikan perunding, dan pelantikan ini akan dimuktamadkan selewat – lewatnya Oktober 2014.

- 6.5 Sekiranya peruntukan tahun 2015 diluluskan oleh EPU, JPSPN akan mengambil masa sekurang – kurangnya 12 bulan untuk membaikpulih LTP ini dan menutup semula tapak pelupusan sedia ada secara lebih selamat, sekaligus mengatasi masalah air dan bau busuk daripada tapak LTP ini.

7. Pengoperasian LTP bagi Stesen Pemindahan Sisa Pepejal Taman Beringin.

- 7.1 Leachate Treatment Plant (LTP) ini dibina oleh Syarikat Perkasa Trading Sdn. Bhd. dan siap pada tahun 2012. Apabila LTP ini siap, kemudahan berkenaan telah diserahkan kepada DBKL dan DBKL telah melantik syarikat Qurba Ventures untuk mengendalikan LTP ini bermula dari 1 Ogos 2013 sehingga 31 Julai 2016.

- 7.2 JPSPN mendapati *sampling point* (W2) yang dinyatakan dalam laporan berkenaan adalah **di kawasan pelepasan *leachate* yang tidak melalui LTP yang dioperasikan oleh Qurba Ventures** ini. *Leachate* ini terhasil daripada pembersihan lori – lori yang ditempatkan di stesen pemindahan berkenaan yang sememangnya tidak melalui LTP untuk dirawat.
- 7.3 Manakala kawasan lain seperti *tipping platform*, *compaction system* dan *washing bays* sememangnya terdapat laluan *leachate* terus ke ke LTP yang dioperasikan oleh Qurba Ventures Sdn. Bhd.
- 7.4 JPSPN dan DBKL telah mengadakan beberapa siri perbincangan bagi menyelesaikan isu *leachate* yang tidak dialirkan terus ke LTP untuk dirawat, dimana satu persetujuan telah dicapai iaitu kos menaiktaraf *drainage system* sedia ada di SPTB dan pembinaan *grease trap* untuk LTP dimasukkan di dalam kos operasi SPTB di bawah pengurusan baru kelak.
- 7.5 Sekiranya diluluskan oleh Jemaah Menteri, syarikat pengendali baru tidak hanya mengambil alih pengoperasian SPTB tetapi termasuk pengoperasian LTP yang ketika ini dilaksanakan oleh syarikat Qurba Ventures Sdn. Bhd.
- 7.6 Manakala bagi penyelesaian jangka pendek, Alam Flora telah mengarahkan setiap lori kompaktor melepaskan semua *leachate* yang dibawa bersama ketika melalui *washing bay* terlebih dahulu yang sememangnya mempunyai laluan *leachate* terus ke LTP sebelum sisa pepejal dilupuskan ke dalam *hopper* stesen pemindahan berkenaan.
- 7.7 Pada masa yang sama, Alam Flora telah mengurangkan aktiviti pembersihan lori – lori di stesen pemindahan tersebut pada tahap minimum, bagi mengurangkan aliran *leachate* daripada terus memasuki Sungai Jinjang tanpa sebarang rawatan.
- 7.8 Pihak DBKL telah mengemukakan kepada JPSPN *Certificate of Analysis* daripada Spectrum Lab Sdn. Bhd dan JPSPN mendapati kadar had pelepasan daripada proses rawatan *leachate* dari LTP tersebut adalah **menepati standard yang telah ditetapkan oleh Jabatan Alam Sekitar (JAS)**.

Sila rujuk laporan yang disertakan bersama – sama kenyataan ini.